


PEPERIKSAAN ULANGAN SPM

1. Rajah 1 menunjukkan bandar dalam tamadun Indus.



Rajah 1

Apakah keistimewaan kedua-dua bandar tersebut?

- A Mempunyai pelbagai agama
- B Pembinaan secara terancang
- C Berfungsi sebagai pelabuhan
- D Pentadbiran diketuai pendeta

2. Gambar 1 berkaitan dengan tamadun awal di China.

Apakah yang berkaitan dengan tulang tersebut?

- A Pengenalan sistem tulisan
- B Peningkatan status tamadun
- C Pengenalan sistem perundangan
- D Peralatan untuk berperang

3. Senarai berikut merujuk kepada persatuan yang ditubuhkan dalam tamadun India.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">A Persatuan tukang kayuB Persatuan tukang logamC Persatuan tukang kulit |
|---|

Apakah peranan persatuan tersebut?

- A Melatih pekerja baharu
- B Mengawal harga barang
- C Mengeluarkan mata wang
- D Menyediakan tempat berniaga

4. Tamadun Rom mewariskan sistem perundangan kepada dunia. Apakah prinsip sistem perundangan tersebut?
- A Mengutamakan amalan adat resam tempatan
 - B Memberi keutamaan terhadap ajaran agama
 - C Bentuk hukuman berbeza mengikut kelas
 - D Hukuman berasaskan bukti yang kukuh

5. Senarai berikut adalah pelabuhan awal di Asia Tenggara.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Jenderam Hilir• Kuala Berang• Kuala Selinsing |
|---|

Apakah jenis pelabuhan tersebut?

- A Pelabuhan bebas
 - B Pelabuhan tempatan
 - C Pelabuhan pembekal
 - D Pelabuhan kerajaan
6. Apakah faktor yang membolehkan kerajaan Srivijaya menjadi sebuah kerajaan maritim yang terulung di Asia Tenggara?
- A Sumber asli diterokai
 - B Bekalan buruh ramai
 - C Angkatan tentera kuat
 - D Sistem pengairan moden
7. Selepas Abu Talib dan Siti Khadijah meninggal dunia, penentangan terhadap penyebaran Islam di Makkah semakin meningkat. Bagaimanakah Nabi Muhammad S.A.W. menangani penentangan tersebut?
- A Membenarkan orang Islam berhijrah ke Habsyah
 - B Mengadakan rundingan dengan orang Quraisy
 - C Mendapatkan bantuan penduduk Madinah
 - D Mengasingkan diri di dalam Gua Hiraq
8. Mengapakah Perang Al-Basus berlaku selama 40 tahun di Tanah Arab pada Zaman Jahiliah?
- A Perebutan sumber air
 - B Pelanggaran syarat perjanjian
 - C Menuntut pembebasan tawanan
 - D Mengamalkan semangat assabiah
9. Mengapakah keadaan di Madinah kurang aman sebelum kedatangan Islam?
- I Keluasan wilayah
 - II Ketiadaan ajaran agama
 - III Penguasaan ekonomi oleh Yahudi
 - IV Perbalahan antara suku

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian antara Nabi Muhammad S.A.W. dengan orang Arab Madinah.

Tahun	Peristiwa
621 Masihi	Perjanjian Aqabah Pertama ditandatangani antara Nabi Muhammad S.A.W. dengan suku Aus dan suku Khazraj

Apakah perkara yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut?

- I Memutuskan hubungan dengan Yahudi
- II Rasulullah menjadi ketua negara
- III Beriman kepada Allah dan Rasul
- IV Membantu dalam perjuangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Kerajaan Bani Umayyah telah memperkenalkan sistem hijabah bertujuan untuk

- A mengukuhkan pertahanan awam
- B mengawal keselamatan khalifah
- C mengumpul rekod baitulmal
- D mengurus pelantikan wazir

12. Bagaimanakah Khalifah Abu Bakar al-Siddiq berjaya mengatasi ancaman kuasa Rom dan Parsi?

- A Menghantar ekspedisi perang
- B Mengutus utusan damai
- C Mendapatkan bantuan luar
- D Memperkuat angkatan laut

13. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menubuhkan institusi baitulmal di Aceh. Apakah fungsi institusi tersebut?

- A Menjaga perbendaharaan negara
- B Menguruskan adat istiadat istana
- C Menyeragamkan sistem pentadbiran
- D Mengawal pelaksanaan undang-undang

14. Ulama Islam mengislamkan golongan raja dan bangsawan terlebih dahulu supaya Islam tersebar luas di Asia Tenggara. Mengapakah ulama Islam bertindak demikian?
- A Mematuhi konsep kedaulatan pemerintah
 - B Mengetahui kesetiaan rakyat kepada pemerintah
 - C Menghormati kuasa mutlak pemerintah
 - D Melindungi kepentingan pemerintah
15. Selepas kedatangan Islam, sistem pendidikan madrasah dilaksanakan di Tanah Melayu. Apakah ciri sistem pendidikan tersebut?
- I Dilaksanakan secara kelas
 - II Waktu pembelajaran terhad
 - III Keperluan asas disediakan pelajar
 - IV Pendidikan diawasi mudir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
16. Gambar 2 menunjukkan kesibukan pelabuhan Melaka pada abad ke-15.

Apakah faktor yang menyebabkan kesibukan pelabuhan tersebut?

- A Bebas cukai
- B Banyak galian
- C Pentadbiran cekap
- D Mata wang seragam

17. Pergerakan Luddite adalah gerakan sosial oleh pekerja industri tekstil di Britain pada abad ke-19. Mengapakah gerakan tersebut muncul?
- A Menentang penggunaan mesin
 - B Menentang penggunaan buruh wanita
 - C Membantah pengurangan masa bekerja
 - D Membantah penubuhan persatuan pekerja

18. Mengapakah negara berikut menjadi sasaran imperialisme Barat pada abad ke-19?

A China B India

- A Tanah yang subur
- B Kekayaan bahan mentah
- C Pasaran keluaran kilang Barat
- D Pelabuhan perdagangan

19. Maklumat berikut berkaitan dengan cara kemasukan buruh dari luar ke Tanah Melayu pada kurun ke-19.

C SistemKontr ak

Mengapakah sistem tersebut dipilih oleh para imigran?

- A Keselamatan dijamin oleh pihak berkuasa
- B Latihan kemahiran disediakan oleh kerajaan
- C Tambang pengangkutan dibayar oleh majikan
- D Tempat penginapan disediakan oleh agensi yang dilantik

20. Graf 1 menunjukkan kadar pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu oleh pemodal Eropah dan pemodal China.

Mengapakah pengeluaran pemodal Eropah meningkat selepas tahun 1926?

- A Pelaburan orang Cina berkurangan
- B Penggunaan teknologi moden
- C Kawalan harga oleh kuasa Eropah
- D Sokongan daripada pembesar Melayu

21. Bagaimanakah Land Settlement Order yang diperkenalkan oleh British di Sarawak pada tahun 1933 dapat melindungi tanah milik peribumi?

- A Penetapan harga yang tinggi
- B Pemindahan hak milik secara warisan
- C Peningkatan kadar bayaran sewaan
- D Penghapusan cukai tahunan

22. Rajah 2 merujuk kepada perubahan corak perjuangan nasionalisme di Asia Tenggara.



Rajah 2

Mengapakah perubahan corak perjuangan tersebut berlaku?

- A Blok kuasa dunia dibentuk
- B Perjuangan awal kurang berjaya
- C Kerjasama dengan negara serantau
- D Sumber kewangan tidak mencukupi

23. Penjajah Sepanyol telah memperkenalkan jawatan Encomiendero di Filipina. Apakah tugas jawatan tersebut?

- I Mengutip cukai
- II Memelihara keamanan
- III Menggubal undang-undang
- IV Memajukan kegiatan pertanian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24. Imperialis Barat telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Asia Tenggara. Apakah perubahan yang diperkenalkan melalui sistem tersebut?

- A Penekanan konsep persamaan taraf
- B Peluasan peluang pendidikan
- C Pembesar mengetuai jabatan
- D Penubuhan kerajaan pusat

25. Mengapakah Gerakan Islah sukar bergerak di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu berbanding dengan Negeri-Negeri Selat?
- A Kekurangan sumber modal
 - B Penolakan ideologi Kaum Muda
 - C Penguatkuasaan undang-undang
 - D Ketiadaan pemimpin berkebolehan
26. Haji Abdul Rahman Limbong telah memimpin penduduk tempatan Kuala Telemong, Terengganu menentang British. Mengapakah penentangan tersebut dilakukan?
- A Pengenalan pendidikan secular
 - B Pengenalan peraturan tanah
 - C Perlucutan jawatan pembesar
 - D Pembunuhan penduduk tempatan
27. Kata perbilangan adat berikut berkaitan dengan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bulat anak buah menjadi buapak Bulat buapak menjadi lembaga Bulat lembaga menjadi penghulu Bulat penghulu menjadi raja

Mengapakah perkataan bulat dalam kata perbilangan adat di atas diulang-ulang?

- A Mempertahan konsep raja berkuasa mutlak
 - B Mengekalkan khazanah budaya bangsa
 - C Menegakkan keadilan dalam kehidupan
 - D Menegaskan kepentingan permuafakatan
28. Senarai berikut adalah peperangan yang melibatkan Jerman pada abad ke-19.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• 1864 – Perang dengan Denmark• 1866 – Perang dengan Austria• 1870 – Perang dengan Perancis |
|---|

Apakah kesan peperangan tersebut terhadap Jerman?

- A Kehilangan wilayah
- B Keselamatan terjamin
- C Penamatan sistem monarki
- D Pembentukan negara bangsa

29. Sebagai rakyat yang cinta akan negara, mengapakah anda menentang Malayan Union?

- A Mempertahan tamadun bangsa
- B Melemahkan golongan radikal
- C Meningkatkan kos pentadbiran
- D Kesukaran mendapatkan kerakyatan

30. Pernyataan berikut berkaitan dengan kandungan Malayan Union yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

Semua rakyat British daripada tanah jajahannya boleh menjadi rakyat Malayan Union

Apakah kesan pernyataan tersebut?

- A Komposisi penduduk seimbang
- B Sistem pertahanan negara mantap
- C Kedudukan kaum peribumi terancam
- D Pengaruh golongan radikal berkurangan

31. Gambar 3 adalah tokoh yang telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (Independence for Malaya Party) pada tahun 1950-an.

Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut?

- A Memantapkan kedudukan UMNO
- B Mendapatkan bantuan daripada British
- C Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
- D Melemahkan ancaman pengganas komunis

32. Pada tahun 1956, Suruhanjaya Reid telah dibentuk. Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Merancang pembangunan ekonomi
- B Melatih rakyat tempatan dalam pentadbiran
- C Membentuk Jawatankuasa Perpaduan Kaum
- D Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

33. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mencadangkan pembentukan Malaysia di Singapura. Mengapakah beliau bertindak demikian?

- I Memperkasa sistem beraja
- II Memperkukuh politik negara
- III Memantapkan kerjasama ekonomi
- IV Mengimbangi pengaruh kuasa besar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Rajah 3 adalah garis masa yang menunjukkan proses pembentukan Persekutuan Malaysia.

Apakah X?

- A Penyerahan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold
- B Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan
- C Penambahbaikan Majlis Mesyuarat Negeri
- D Penubuhan Jawatankuasa Eksekutif

35. Apakah syarat yang melayakkan warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun mengundi dalam pilihan raya?

- A Menjadi ahli parti politik
- B Berdaftar sebagai pemilih
- C Menjawat jawatan kerajaan
- D Bebas daripada tindakan mahkamah

36. Gambar 4 menunjukkan Jata Negara, negara kita, Malaysia.

Mengapakah jata tersebut penting kepada negara dan bangsa Malaysia?

- I Memperkukuh perpaduan rakyat
- II Melahirkan rakyat bersemangat waja
- III Mempertahan semangat kenegerian
- IV Melambangkan kemajuan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Pada tahun 1958, Pak Abu ingin mengusahakan tanaman pisang secara kecil-kecilan, tetapi tidak mempunyai sumber modal yang cukup. Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah agensi kerajaan yang boleh membantu Pak Abu?

- A Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- B Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)
- C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- D Perbadanan Nasional Berhad (BERNAS)

38. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) adalah agensi yang ditubuhkan di bawah Rancangan Malaya Pertama. Apakah matlamat agensi tersebut?

- A Menstabilkan harga pasaran
- B Menggalakkan pelaburan modal asing
- C Merangsang penglibatan sektor swasta
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

39. Pada tahun 1929, Jerman mengalami masalah kemelesetan ekonomi akibat kegagalan Amerika Syarikat menyediakan pinjaman. Apakah tindakan kerajaan Jerman untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada masalah tersebut?

- A Mendapatkan pinjaman luar
- B Mewujudkan kerjasama serantau
- C Memperkuat bidang ketenteraan
- D Melaksanakan pilihan raya

40. Maklumat berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tahun	Perisytiharan
1992	Kawassan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Apakah tujuan perisytiharan di atas?

- I Memupuk kerjasama ekonomi
- II Memansuhkan sekatan dagangan
- III Mengawal keselamatan perairan
- IV Mewujudkan syarikat perdagangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**SPM ULANGAN 2014
SKEMA JAWAPAN KERTAS 1**

NO	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	B	27
2	A	31
3	B	51
4	D	46
5	C	79
6	C	80
7	A	113
8	A	102
9	D	118
10	D	119
11	B	151
12	A	145
13	A	191
14	B	180
15	B	203
16	C	209
17	A	236
18	C	237
19	C	255
20	B	251
21	B	261
22	B	18
23	A	9
24	D	8
25	C	50
26	B	42
27	D	87 - 88
28	D	69-70
29	A	99
30	C	99
31	C	121
32	D	125
33	C	138
34	A	149
35	B	179
36	A	188
37	A	198
38	D	198
39	C	232
40	D	258

A = 11

B = 10

C = 10

D = 9

